



Tatakelakuan Delfort

Prakata oleh Ahli Lembaga

Delfortgroup AG dan anak-anak syarikatnya (Delfort) mengamalkan pengurusan korporat yang dipandu oleh prinsip-prinsip

- Keunggulan & Kemampanan
- Rasa hormat & Bertanggungjawab
- Integriti & Ketelusan

Penjajaran dengan prinsip-prinsip tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang penting dan penghargaan para pelanggan kita akan mempengaruhi dan mendorong prestasi serta pembangunan masa depan kumpulan syarikat kita dengan ketara.

Agar menambat prinsip-prinsip CSR penting dalam kumpulan syarikat kita, kami telah bersetuju dengan tatakelakuan ini bagi diri kita.

Tatakelakuan ini merangkumi setiap orang yang mewakili Delfort termasuk ahli lembaga, pengarah, pengurus, pekerja, ejen dan rakan kongsi syarikat.

Tatakelakuan

Tatakelakuan ini merangkumi peraturan-peraturan kelakuan yang mengikat prinsip-prinsip CSR yang penting dan menetapkan dasar toleransi sifat kita terhadap rasuah, penipuan, kecurian serta bentuk-bentuk sogokan yang lain. Di mana perlu, tatakelakuan ini selanjutnya ditetapkan oleh dasar-dasar syarikat yang terperinci dan garis-garis panduan dalaman yang lain. Tatakelakuan ini bukan sahaja memainkan peranan sebagai garis panduan untuk kaedah kerja bagi semua pekerja Delfort malah harus juga disampaikan untuk pengetahuan rakan niaga kami.

Arahan daripada pegawai atasan yang bertentangan dengan tatakelakuan ini tidak mengikat dan tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk salah laku.

Kami kehendaki pembekal kami, seperti Delfort, menjalankan kerja dengan penuh tanggungjawab dan beretika sambil mengikut prinsip-prinsip Tatakelakuan ini. Dengan mengambil kira perkara ini, kami juga kehendaki pembekal kami mematuhi piawaian ini dalam rangkaian bekalan hiliran. Kami menganggap pematuhan dengan piawaian-piawaian ini sebagai faktor yang penting semasa memilih pembekal baharu dan bagi meneruskan hubungan kita dengan para



pembekal yang sedia ada.

I. Keunggulan & Kemampanan

- Delfort berpegang pada keunggulan dalam produk-produk dan proses-prosesnya. Barangan dan perkhidmatan memenuhi piawaian tertinggi dari segi mutu, inovasi dan tumpuan pelanggan. Sepanjang proses pembangunan, pengilangan dan pengedaran, perlindungan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan merupakan unsur-unsur penting bagi pengurusan kualiti produk kita.
- Delfort kehendaki pekerjaannya menjalankan aktiviti profesional mereka dengan mengikut piawaian profesional yang tertinggi dari segi penjagaan, kejituan dan kesempurnaan.
- Delfort berpegang pada kemampanan dalam erti kata nilai tambah dan pertumbuhan jangka panjang. Elemen teras adalah inovasi, mutu dan perkongsian jangka panjang dengan pembekal, pelanggan dan rakan niaga yang lain.

II. Rasa hormat & Bertanggungjawab

- Kami saling menghormati antara satu sama lain. Ini merangkumi pekerja dan juga pihak ketiga seperti pelanggan, pembekal dan para pegawai.
- Delfort sentiasa giat dalam usahanya mewujudkan persekitaran kerja yang mendorong perkembangan pekerja dalam cara yang terbaik dan memacu inovasi serta prestasi yang cemerlang. Mengadakan dialog aktif dan terbuka tentang tanggungjawab kita terhadap masyarakat dan alam sekitar bersama para pekerja kita, para pelanggan, pihak kerajaan serta wakil pemegang kepentingan, pihak berkuasa tempatan, rakan niaga dan masyarakat awam merupakan suatu keprihatinan yang penting bagi diri kita.

Dasar HR

- Delfort berikhtiar untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan membangkitkan inspirasi bagi semua pekerja. Semua pekerja wajib menjalankan tugas masing-masing tanpa membahayakan keselamatan pekerjaan. Kami menolak apa jua bentuk buruh kanak-kanak atau buruh paksa.
- Kami menghormati hak pekerja kami untuk bebas berserikat. Suatu dialog membina jangka panjang diadakan dengan wakil pekerja di peringkat lokasi dan juga negara.



- Delfort menggalakkan pekerjaannya untuk menyatakan kesanggupan mereka terhadap perkembangan profesional dan peribadi bagi diri masing-masing. Delfort komited untuk melayan semua pekerja secara adil, saksama dan tidak bersikap berat sebelah. Kami memastikan penggajian yang saksama dan membuat keputusan mengenai pekerja sepenuhnya berdasarkan kriteria berkaitan kerja seperti kecekapan, prestasi dan tingkah laku di tempat kerja.

Kepelbagaian

- Delfort berikhtiar untuk menyediakan peluang saksama bagi semua pekerja untuk memastikan suatu tempat kerja yang selamat, sihat dan sesuai dengan ruang untuk kepelbagaian. Delfort tidak akan bertolak ansur dalam hal penindasan dan diskriminasi yang tidak adil berasaskan jantina, usia, agama, bangsa, asal sosial, kecacatan, etnik atau negara asal, kerakyatan, kecenderungan politik, keahlian persatuan, status perkahwinan, kehamilan, orientasi seksual, identiti jantina, ekspresi jantina atau berdasarkan mana-mana kriteria lain yang tidak dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan. Kami komited kepada prinsip ini semasa pengambilan pekerja, perkembangan, kenaikan pangkat dan persaraan seseorang pekerja. Ini merupakan asas bagi budaya kami yang membenarkan pandangan berlainan dan kerjasama kreatif.

Percanggahan Kepentingan

- Percanggahan kepentingan adalah situasi di mana seseorang boleh mengusahakan kepentingan lain di samping tugas mereka dan peranan syarikat yang tidak selaras dengan kepentingan Delfort. Percanggahan kepentingan atau mana-mana situasi yang kelihatan atau boleh ditafsirkan sebagai percanggahan kepentingan mesti dielakkan atau jika keadaan tersebut tidak dapat dielakkan, perkara itu mesti didedahkan kepada pengurus barisan serta-merta. Percanggahan kepentingan boleh timbul, sebagai contoh, dalam keadaan berikut:
 - Transaksi perniagaan dengan rakan niaga Delfort, di mana wujud penglibatan secara langsung atau tidak langsung (melalui ahli keluarga atau lain-lain orang yang rapat).
 - Transaksi perniagaan bersama rakan niaga di mana seorang ahli keluarga atau orang lain yang rapat diambil bekerja sebagai pengarah, pengurus atau pekerja atau transaksi secara langsung dengan orang yang berkenaan.



III. Integriti & Ketelusan

- Delfort mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan bagi negara-negara di mana ia menjalankan perniagaan serta mematuhi norma sosial di situ. Dalam kegiatan keusahawanan kami, kami juga mengorientasikan diri kepada garis panduan dalaman syarikat dan kumpulan, yang kami kemas kini secara berterusan. Sistem kawalan dalaman kami direka bentuk agar semua proses perniagaan yang penting dipatuhi dan transaksi direkodkan secara lengkap dan betul.
- Situasi percanggahan yang mungkin berlaku terhadap peraturan undang-undang dan penyelarasan yang wajar mesti dilaporkan kepada pengurus barisan serta-merta; sekiranya anda ragu, peraturan undang-undang mesti digunapakai.

Antirasuah

- Delfort menolak amalan rasuah dan sogokan.
- Dalam menjalankan kegiatan profesional mereka, pekerja Delfort dilarang menuntut atau menerima sama ada secara langsung atau tidak langsung atau menawar atau memperoleh hak istimewa bagi diri mereka atau pihak ketiga yang berkemungkinan dapat mempengaruhi transaksi perniagaan secara haram, malah memberi gambaran tentang pengaruh sedemikian yang salah dari segi undang-undang.
 - Pengecualian hanya terhad kepada penawaran atau penerimaan hadiah lazim dan hadiah bernilai rendah atau hiburan dalam konteks amalan perniagaan biasa dan mengikut undang-undang negara tertentu. Jika ragu, pegawai atasan langsung mesti dirujuk.
 - Penawaran atau penerimaan wang dan manfaat bukan tunai (cth. baucar) tidak dibenarkan.
- Kami juga komited untuk tidak menggunakan pihak individu ketiga atau orang perundangan yang sah (seperti rakan kongsi jualan, wakil atau perunding) untuk menawarkan atau memberikan derma yang mana pihak kami sendiri tidak dapat menawarkan atau memberikannya.
- Kami hanya menjalankan perniagaan dengan rakan kongsi bereputasi baik dan mempunyai kepentingan perniagaan yang sah. Kami tidak sama sekali menjalankan perniagaan dengan mana-mana pihak atau syarikat yang dikaitkan dengan keganasan



atau mana-mana aktiviti haram yang lain. Kami mempunyai proses dan kawalan dalaman yang sedia ada untuk memastikan pematuhan yang ketat terhadap undang-undang mengenai sekatan ekonomi di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Ireland Utara, Kesatuan Eropah dan ahli-ahli negaranya.

Persaingan Adil

- Delfort sangat komited terhadap persaingan saksama dengan para pesaingnya, rakan niaga dan peserta pasaran yang lain. Kami menumpukan perhatian yang berat terhadap pematuhan dengan peruntukan undang-undang:
 - Perjanjian dan amalan bersepadu yang bertujuan untuk mengehadkan atau menghalang persaingan ada dilarang.
 - Tiada maklumat sulit yang perlu ditukar atau dibincangkan dalam mana-mana komunikasi dengan pesaing. Ini termasuk harga, jumlah jualan atau kapasiti pengeluaran, kos atau margin, data pelanggan, strategi pemasaran dan jualan, projek penyelidikan dan pembangunan dan maklumat yang sama sepertinya.
 - Penglibatan dan mengambil bahagian dalam persatuan yang mempunyai hubungan profesional dan penyertaan dalam acara-acara mereka tidak boleh melibatkan mana-mana aktiviti yang menyekat persaingan saksama atau merupakan pencabulan persaingan atau peraturan antitrust dan memerlukan kelulusan daripada pegawai atasan.
 - Dalam kes penerimaan dokumen-dokumen atau penyertaan dalam perbincangan dan komunikasi lain, kandungan yang kelihatan boleh dipersoalkan dari segi perspektif undang-undang persaingan, perbualan atau komunikasi lain mesti ditamatkan serta-merta dan pegawai atasan langsung mesti dimaklumkan dengan segera.
- Bagi tujuan kepentingan persaingan saksama, kami juga tidak menggunakan mana-mana amalan perniagaan yang tidak adil seperti kenyataan mengenai produk yang boleh mengelirukan pelanggan atau menjatuhkan nama baik pesaing.

Perlindungan Harta

- Delfort menghormati harta intelektual pihak ketiga. Dalam hal ini, kami memastikan kerahsiaan yang paling ketat ke atas pengetahuan kami dan ke atas maklumat di mana rakan kongsi perniagaan kami



mempunyai suatu kepentingan kerahsiaan.

- Pekerja Delfort bertanggungjawab untuk melindungi aset fizikal dan aset tak ketara Delfort, pembekal, pelanggan dan rakan kongsi kontraktual yang lain dalam lingkungan bidang kegiatan mereka.
- Delfort mahu pekerjaanya untuk mengendalikan kelengkapan, sistem, peralatan, kereta syarikat dan lain-lain barangan yang dimiliki oleh Delfort secara berhati-hati dan bertanggungjawab. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab setiap pekerja Delfort untuk mengendalikan sumber dan aset milik syarikat secara bertanggungjawab dan menggunakannya secara khusus bagi tujuan berkaitan dengan syarikat.

Pengendalian Maklumat Sulit

- Pekerja Delfort diwajibkan untuk menganggap semua perkara syarikat yang tidak dimaksudkan bagi orang awam dirahsiakan dan tidak mengemukakannya kepada pesaing atau orang lain di mana pengetahuan tentang maklumat rahsia tersebut bukanlah dalam kepentingan Delfort. Ini juga merangkumi maklumat yang telah diterima secara rahsia oleh pihak ketiga.
- Delfort mematuhi undang-undang ke atas perlindungan dan keselamatan data peribadi secara ketat. Pengendalian data peribadi dihadkan bagi tujuan tertentu yang dibenarkan oleh undang-undang, hasil suatu keperluan berkaitan syarikat.

Tanggungjawab Terhadap Alam Sekitar

- Perlindungan persekitaran dan suatu kaedah pengeluaran bertanggungjawab secara ekologi amat penting bagi Delfort. Itulah sebabnya kita menyokong, antara yang plain, sasaran pembangunan mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengatasi perubahan iklim dan memastikan penggunaan dan pengeluaran yang mampan.
- Agar dapat memenuhi tanggungjawab kami bagi persekitaran, kami berusaha dengan penuh iltizam untuk meningkatkan keserasian persekitaran produk dan proses kami, untuk menggunakan sumber asli secara bertanggungjawab, untuk memperoleh bahan mentah melalui rantai bekalan pembekal yang bertauliah daripada PEFC™ dan/atau FSC®, dan untuk meningkatkan kecekapan sumber dan tenaga. Kami membangunkan teknologi baharu, menambahbaik proses dan produk inovasi yang melindungi persekitaran, alam semula jadi dan iklim, malah juga mendatangkan



manfaat kepadanya.

- Untuk menetapkan dan membangunkan serta melaksanakan Amalan Terbaik dalam keseluruhan rantai bekalan, kami berusaha untuk bekerja rapat dengan rakan niaga kami dalam isu persekitaran di samping menggalakkan inisiatif bagi tanggungjawab persekitaran yang lebih luas.

Pelaksanaan

- Kami menyampaikan maklumat kepada para pekerja dengan menggunakan pelbagai saluran untuk membiasakan mereka dengan prinsip-prinsip tindakan kita, serta peraturan dan tatacara pematuhan syarikat kita. Ini bertujuan membolehkan para pekerja menjalankan tugas profesional masing-masing dengan mematuhi peraturan. Setiap penyelia mesti mengatur bidang tanggungjawabnya dengan cara yang memastikan pematuhan terhadap peraturan-peraturan kelakuan yang ditetapkan dalam tatakelakuan ini dan dengan undang-undang yang berkenaan.
- Demi kepentingan bersama untuk syarikat dan pekerjanya dalam pelaksanaan dan pematuhan terhadap prinsip tatalaku yang ditetapkan dalam tatakelakuan ini, pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki terhadap peruntukan tersebut mesti dilaporkan serta-merta kepada pegawai atasan yang berkenaan. Sekiranya terdapat masalah untuk melapor kepada pegawai atasan, pihak pengurusan tempatan atau jabatan perundangan mesti dimaklumkan dengan segera.
- Apa-apa kejadian pematuhan yang dilaporkan akan dinilai dan sekiranya wajar, akan disiasat tepat pada masanya. Penyiasatan dijalankan secara sulit dan melalui kaedah yang memastikan maruah dipelihara, layanan saksama diberikan kepada para peserta dan juga saksi dan sifat berkecuali diamalkan dalam penyiasatan tersebut.
- Tambahan lagi, langkah-langkah yang disertakan selanjutnya seperti penambahbaikan proses boleh diambil untuk mengurangkan risiko-risiko yang dikenal-pasti. Selain itu, peraturan-peraturan kelakuan yang ditetapkan dalam tatakelakuan ini akan dinilai secara berterusan demi menyesuaikan dengan persekitaran global dan perniagaan tempatan masing-masing dan keadaan perundangan yang berkaitan.



Akibat Salah Laku

- Pelanggaran terhadap peruntukan tatakelakuan yang sedia ada dilarang sama sekali. Delfort berhak mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya mengikut undang-undang negara, perjanjian syarikat, undang-undang buruh, peraturan undang-undang sivil dan jenayah dan kontrak pekerja yang berkenaan.